



BENGKEL PEMANTAPAN DASAR PENGGAJIAN PEKERJA ASING SEKTOR PEMBINAAN & PEMBUATAN DI MALAYSIA SIRI 2

19 JUN 2025

DORSETT PUTRAJAYA HOTEL
W.P PUTRAJAYA

LAPORAN RUMUSAN BENGKEL

Disediakan oleh:
YM Che Ku Amir Rizal Che Ku Mohd
MPC Associate

Disediakan untuk:
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

Tarikh:
23 Jun 2025

Bengkel Pemantapan Dasar Penggajian Pekerja Asing Sektor Pembinaan & Pembuatan di Malaysia Siri 2¹

19 Jun 2025

Dorsett Putrajaya Hotel
W.P. Putrajaya

LAPORAN RUMUSAN BENGKEL

Pengenalan

1. Pekerja asing memainkan peranan yang penting dalam memastikan kemajuan ekonomi dan pembangunan infrastruktur Malaysia, terutamanya dalam sektor pembinaan dan pembuatan. Sehingga 2023, lebih dua (2) juta orang pekerja asing berdaftar di Malaysia, hampir mencecah had 15% daripada jumlah tenaga kerja negara, dengan majoriti tertumpu di dua sektor utama ini.
2. Sektor pembinaan bergantung hampir 70% kepada pekerja asing untuk projek-projek utama seperti lebuh raya, jambatan, dan bangunan. Projek mungkin terjejas akibat kekurangan pekerja, menyebabkan kelewatan jadual dan kenaikan kos. Hal ini disebabkan oleh ramai pekerja tempatan kurang berminat dalam kerja-kerja pembinaan ekoran daripada tawaran gaji yang rendah, kerja bersifat 3D (*dangerous, dirty, difficult*) dan peluang pengembangan pekerjaan yang terhad.
3. Dalam sektor pembuatan, pekerja asing mengisi kekosongan dalam bidang seperti pemasangan elektronik, tekstil, dan pemprosesan makanan memandangkan permintaan melebihi penawaran tenaga kerja tempatan. Tenaga kerja asing membantu mengekalkan daya saing industri Malaysia di pasaran global dan menyumbang secara langsung kepada pertumbuhan eksport serta pendapatan negara.
4. Selain mengisi kekosongan tenaga kerja, pekerja asing membawa kemahiran tertentu—contohnya kemahiran dalam kerja *formwork* dan *scaffolding* dalam sektor pembinaan, serta kepakaran proses tertentu dalam pembuatan—yang memperkukuh produktiviti dan inovasi industri tempatan.
5. Walau bagaimanapun, kebergantungan ini membawa risiko seperti tekanan ke atas gaji pekerja tempatan, cabaran integrasi sosial, serta kemungkinan eksploitasi dan beban kepada perkhidmatan awam, seperti kesihatan dan pendidikan.

¹ Laporan rumusan bengkel ini telah disediakan oleh Jurulapor bagi Bengkel Pemantapan Dasar Penggajian Pekerja Asing Sektor Pembinaan dan Pembuatan di Malaysia. Sebarang maklum balas dan cadangan boleh dikemukakan kepada YBrs. Dr Suriati Zainal Abidin (Timbalan Pengarah, MPC) atau Encik Muhammad Zain Nuruddin Hazman (Penolong Pengurus, MPC). Laporan rumusan bengkel ini adalah hak milik penuh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).

6. Oleh itu, Kerajaan sewajarnya mempertimbangkan dasar yang lebih berkesan, seperti memudah cara mobiliti pekerja asing rentas sektor. Di samping itu, kebajikan dan perlindungan pekerja asing juga mesti diberi keutamaan dengan penguatkuasaan undang-undang perburuhan, amalan penggajian secara beretika, dan perlindungan hak asasi pekerja asing.

7. Kesimpulannya, pekerja asing akan terus menjadi penyumbang kepada pembangunan fizikal dan pertumbuhan ekonomi Malaysia. Pengurusan yang cekap terhadap tenaga kerja asing, penekanan kepada mobiliti rentas sektor, pelaburan dalam latihan kemahiran, dan perlindungan kebajikan pekerja adalah mustahak bagi memastikan pembangunan negara yang berterusan, adil, dan inklusif.

Ringkasan Bengkel

8. Menyedari peranan dan sumbangan pekerja asing dalam ekosistem pembangunan negara serta dinamika pengurusan tenaga buruh asing yang dihadapi oleh majikan di sektor pembuatan dan pembinaan, suatu bengkel lanjutan telah diadakan pada 19 Jun 2025 bertempat di Dorsett Putrajaya yang bertujuan untuk

- a. Membincangkan rangka kerja penambahbaikan dasar dan proses untuk membenarkan mobiliti pekerja asing sedia ada di sektor pembinaan dan pembuatan; dan
- b. Mendapatkan pengesahan serta sokongan terhadap hala tuju, strategi, pelan tindakan & cadangan garis masa pelaksanaan.

9. Bengkel ini dimulakan dengan ucapan alu-aluan dan taklimat ringkas berkenaan aspirasi serta atur cara bengkel yang disampaikan oleh YBrs. Dr. Suriati Zainal Abidin (Timbalan Pengarah MPC). YBrs. Dr. Suriati Zainal Abidin turut berkongsi dengan para peserta dan menonjolkan pencapaian Malaysia dalam *World Competitiveness Ranking Report 2025* (Laporan Daya Saing Antarabangsa) di kedudukan ke-23 daripada 69 buah ekonomi seluruh dunia, berbanding kedudukan ke-34 daripada 67 buah ekonomi pada tahun 2024.



10. Selain itu, YBrs. Dr. Suriati Zainal Abidin juga menekankan peranan MPC dalam mengungguli Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam (ARPA) menerusi inisiatif Reformasi Kerenah Birokrasi (RKB) yang telah menunjukkan prestasi kecekapan dalam penyampaian perkhidmatan awam kepada komuniti perniagaan dan rakyat secara amnya.

11. Sesi bengkel diteruskan dengan perkongsian rumusan dapatan “Bengkel Pemantapan Dasar Penggajian Pekerja Asing Sektor Pembinaan & Pembuatan Di Malaysia Siri 1” yang telah diadakan pada 7 Mei 2025 bertempat di Hotel Armada Petaling Jaya. Seterusnya, sesi perbincangan berkenaan penambahbaikan dasar dan proses mobiliti pekerja asing rentas sektor pembinaan dan pembuatan telah dimudahcara oleh Puan Hartini binti Othman dan YM Che Ku Amir Rizal bin Che Ku Mohd selaku Fasilitator.

12. Bengkel ini juga memberi peluang kepada para peserta untuk berkongsi beberapa isu dan cabaran kontemporari yang sering dihadapi oleh jabatan dan agensi dalam mengendalikan urusan permohonan mobiliti pekerja asing antara sektor pembinaan dan pembuatan serta cabaran penguatkuasaan terhadap pematuhan imigresen melibatkan majikan serta pekerja asing di kedua-dua sektor berkenaan.

13. YBrs. Dr. Suriati Zainal Abidin menyampaikan ucapan penutup dan merakamkan penghargaan dan jutaan terima kasih di atas sokongan dan komitmen yang telah diberikan oleh para peserta sepanjang bengkel tersebut berlangsung. Sesi bengkel ini berakhir pada pukul 4.30 petang.



Para peserta terdiri daripada wakil Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)

Dapatan Bengkel & Nota Perbincangan

(a) Kronologi isu mobiliti tenaga buruh asing

14. MPC telah menerima aduan menerusi platform MyMudah yang dihantar oleh sebuah syarikat membuat, menjual dan mengedar konkrit pratuang (*precast concrete*) yang terletak di negeri Johor. Syarikat tersebut menghadapi masalah kekurangan pekerja berkemahiran khusus bagi menyokong operasi pembuatan konkrit pratuang seiring dengan permintaan terhadap produk konkrit pratuang yang kian meningkat daripada syarikat pembinaan tempatan dan luar negara.

15. Bagi mengatasi masalah kekurangan pekerja, syarikat telah mendapatkan bantuan tenaga buruh asing daripada sub-kontraktor di tapak binaan bagi menyokong operasi pembuatan konkrit pratuang. Syarikat juga mendapati bahawa beberapa kemahiran khusus yang dimiliki oleh pekerja asing sub-kontraktor di tapak binaan dapat dimanfaatkan dalam pembuatan konkrit pratuang.

16. Selain itu, syarikat turut mengesyorkan agar Kerajaan menawarkan *cross permit* sebagai mekanisme yang lebih fleksibel bagi membenarkan pekerja asing sedia ada di sektor pembinaan untuk bekerja di kilang bagi menyokong operasi pembuatan konkrit pratuang tanpa sebarang halangan dasar dan peraturan.

17. Jadual 1 merumuskan punca permasalahan yang sering dihadapi oleh majikan dalam mengurus keperluan tenaga buruh bagi menyokong operasi perniagaan, terutamanya melibatkan pekerja asing sedia ada di sektor pembinaan dan pembuatan.

Jadual 1 Rumusan punca permasalahan yang dikenal pasti

Bil	Masalah
1	Limitasi perundangan: Akta Imigresen 1959/63 menyekat mobiliti pekerja asing sedia ada untuk menukar sektor, seperti pekerja asing di sektor pembinaan untuk menyokong keperluan tenaga buruh di sektor pembuatan.
2	Limitasi dasar: Dasar sedia ada tidak menyokong atau menggalakkan operasi tergabung (<i>hybrid</i>) dalam sektor pembinaan dan pembuatan.
3	Kelulusan pengecualian: Proses kelulusan untuk permohonan mobiliti pekerja asing antara majikan/sektor adalah reaktif, berdasarkan kes (<i>ad hoc</i>) dan mengambil masa yang lama.
4	Kekangan koordinasi: Tiada koordinasi strategik antara JIM, MITI, CIDB, MIDA dan JTKSM

18. Jadual 2 menyenaraikan beberapa syor yang dikemukakan oleh majikan bagi mengatasi isu mobiliti pekerja asing sedia ada rentas sektor.

Jadual 2 Syor yang dikemukakan oleh majikan

1	Semakan dasar dan akta sedia ada bagi membolehkan mobiliti bersyarat melibatkan pekerja asing rentas sektor berpandukan mekanisme kawal selia baharu.
---	---

- 2 Mengguna pakai model '*factory-in-factory*' dan mengiktiraf operasi hibrid sebagai model perniagaan yang dibenarkan dalam pengurusan pekerja asing di sektor pembuatan dan pembinaan.
- 3 Pembangunan '*single window platform*' digital antara JIM, CIDB, MIDA dan MITI untuk pemprosesan mobiliti pekerja asing sedia ada dan penetapan kuota secara bersepadu.
- 4 Integrasi dan pepadanan data agensi melalui sistem MyIMMs dan CIMS untuk verifikasi masa nyata (*real time*).
- 5 Penguatkuasaan berasaskan risiko, audit pematuhan berkala ke atas majikan & penalti yang lebih tegas terhadap majikan yang ingkar.
- 6 Menggantikan dasar penetapan kuota sedia ada dengan sistem penilaian berasaskan risiko, keperluan sebenar pekerja asing oleh majikan, dan prestasi pematuhan majikan.

(b) Pembuatan konkrit pratuang di Malaysia

19. Konkrit pratuang (*precast concrete*) merujuk kepada bahan binaan yang dihasilkan di luar tapak binaan dalam persekitaran terkawal, biasanya di loji atau kilang khusus, sebelum dipindahkan dan dipasang di tapak binaan. Ia merupakan kaedah yang serba boleh dan cekap yang telah mendapat populariti dalam industri pembinaan.



Konkrit pratuang banyak digunakan dalam pembinaan bangunan bertingkat dan infrastruktur. Ia mempercepatkan proses pembinaan, mengurangkan sisa, dan meningkatkan kualiti.

20. Pembuatan konkrit pratuang di Malaysia menawarkan penyelesaian inovatif kepada cabaran dalam industri pembinaan, meningkatkan kecekapan dan kualiti projek. Contohnya, projek pembangunan di kawasan bandar lazimnya menghadapi isu tapak binaan yang sempit untuk membuat konkrit secara *in-situ*. Bagi mengatasi masalah tersebut, konkrit dibuat di kilang secara pratuang (*precast*) di luar tapak binaan. Konkrit pratuang yang siap dihasilkan di kilang akan dibawa dan dipasang di tapak binaan. Namun, ia juga memerlukan perhatian terhadap kos, keperluan ruang, dan kemahiran tenaga kerja agar dapat dilaksanakan dengan efektif.

(c) Isu mobiliti pekerja asing sedia ada di sektor pembuatan dan pembinaan

21. Mobiliti pekerja asing sedia ada di sektor pembuatan dan pembinaan merupakan satu inisiatif untuk meningkatkan fleksibiliti tenaga kerja dan menyokong pertumbuhan sektor-sektor kritikal yang menyumbang secara signifikan kepada ekonomi negara. Cadangan ini bertujuan untuk memastikan mobiliti pekerja asing dilaksanakan secara teratur, mematuhi peraturan sedia ada, dan memberikan manfaat kepada semua pihak terlibat.

22. Dasar dan peraturan imigresen sedia ada hanya membenarkan pertukaran majikan dalam sektor yang sama. Pertukaran tersebut perlu mendapatkan kebenaran daripada Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) terlebih dahulu. Sekiranya permohonan pertukaran tersebut diluluskan, tempoh sah laku Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) sedia ada biasanya akan dipendekkan sebelum PLKS baharu dikeluarkan oleh JIM tanpa pekerja asing meninggalkan negara.

23. Pada 8hb Mei 2025, Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Antara Menteri Dalam Negeri dan Menteri Sumber Manusia Mengenai Pengurusan Pekerja Asing Kali Ke-13, Bil 1 Tahun 2025 telah memutuskan untuk membenarkan pertukaran majikan pekerja asing merentasi sektor penggajian yang melibatkan sektor formal sahaja². Sehubungan dengan itu, Kerajaan akan memperincikan garis panduan dan prosedur bagi memastikan proses pertukaran dilaksanakan dengan betul, termasuk mendapatkan persetujuan semua pihak yang berkaitan.


24. Sebelum ini, Kerajaan hanya membenarkan pertukaran majikan dalam sektor yang sama dengan syarat terdapat sama ada penstrukturan syarikat, penutupan syarikat, pembesaran syarikat atau atas kelulusan suatu jawatankuasa yang dikendalikan Jabatan Tenaga Kerja (JTK).

(d) Model Perniagaan Hybrid di Sektor Pembinaan dan Pembuatan

25. Model perniagaan *hybrid* yang diguna pakai oleh syarikat di Malaysia merujuk kepada penggabungan operasi pembuatan (seperti pengeluaran konkrit pratuan di kilang) dan pembinaan (pemasangan di tapak binaan) di bawah satu entiti perniagaan yang sama atau rantai bekalan yang bersepadu (*integrated*) terdiri daripada entiti perniagaan yang berbeza.


26. Senario 1 menunjukkan model perniagaan yang lazimnya diamalkan oleh kebanyakan majikan di Malaysia manakala Senario 2 menggambarkan model perniagaan *hybrid* yang sedang berkembang dan diadaptasi oleh kebanyakan majikan dalam kedua-dua sektor tersebut.

² Essa Abu Yamin. (2025). Pekerja asing dibenar mohon tukar majikan hanya babitkan sektor formal - Steven Sim. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/05/1394032/pekerja-asing-dibenar-mohon-tukar-majikan-hanya-babitkan-sektor>



Senario 1

Majikan A memiliki Kilang *Precast* ABC dan Syarikat Pembinaan DEF. Kilang *Precast* ABC (sektor pembuatan) membuat dan membekalkan produk konkrit pratuang untuk digunakan dalam projek pembinaan yang dijalankan oleh Syarikat Pembinaan DEF (sektor pembinaan).



Senario 2

Majikan A memiliki Kilang *Precast* ABC manakala Majikan B memiliki Syarikat Pembinaan DEF. Kilang *Precast* ABC (sektor pembuatan) membuat dan membekalkan produk pratuang untuk digunakan dalam projek pembinaan yang dijalankan oleh Syarikat Pembinaan DEF (sektor pembinaan).

27. Kelebihan utama model perniagaan *hybrid* (Senario 2) dalam konteks mobiliti pekerja asing sedia ada adalah seperti berikut:

a) Penggunaan tenaga kerja lebih fleksibel dan optimum

Pekerja asing sedia ada boleh digerakkan antara kilang dan tapak binaan tanpa keperluan PLKS baharu. Ini membolehkan syarikat mengoptimumkan tenaga kerja dan menyesuaikan dengan perubahan keperluan projek pada setiap masa.

b) Pengurangan kos pengambilan dan pentadbiran

Pengambilan pekerja baharu, latihan, dan penyediaan penginapan boleh diminimumkan kerana tenaga kerja sedia ada dimanfaatkan untuk pelbagai fungsi. Syarikat juga dapat mengurangkan kos pemprosesan permit dan masa menunggu keputusan PLKS oleh JIM.

c) Peningkatan kecekapan projek dan masa siap kerja

Dengan tenaga kerja yang sama mengendalikan kedua-dua proses pembuatan dan pemasangan, komunikasi dan koordinasi menjadi lebih lancar. Hal ini mempercepat jadual projek dan mengurangkan risiko kelewatan akibat masalah kekurangan tenaga kerja.

d) Pembangunan kemahiran rentas sektor

Pekerja mendapat peluang membangun kemahiran dalam kedua-dua sektor, menjadikan mereka lebih serba boleh (*versatile*) dan kompeten untuk pelbagai tugas.

28. Model perniagaan *hybrid* di negara-negara maju, seperti Singapura dan Jerman, lebih matang dan sistematik. Negara-negara ini mempunyai rangka kerja peraturan yang tersusun untuk mobiliti pekerja, dengan sistem visa khusus yang membenarkan perpindahan rentas sektor dengan lebih lancar. Negara-negara ini juga banyak menggunakan teknologi digital untuk memudahkan pengesahan kemahiran, pengurusan dokumen, dan automasi proses, yang meningkatkan kecekapan proses mobiliti.

29. Negara maju sering melibatkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam model *hybrid* dengan mengintegrasikan prinsip-prinsip inovasi dalam operasi, yang membantu mereka untuk terus berdaya saing di peringkat global. Negara-negara ini juga menyediakan insentif cukai galakan penggunaan model ini, menjadikannya lebih menarik bagi pelabur dan pihak berkepentingan.

(e) Jurang dasar dan perundangan mobiliti pekerja asing di Malaysia

30. Lazimnya, pekerja asing di kilang dibenarkan untuk bekerja di tapak binaan bagi tujuan pemasangan bahan binaan berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Seksyen 33 (1-4) dan Seksyen 33A (1-6), Bahagian VII, Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520) berkaitan pendaftaran personel binaan.

31. Walaupun majikan telah mendapat kebenaran daripada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) untuk pekerja asing sektor pembuatan memasuki tapak binaan bagi tujuan pemasangan bahan binaan, majikan perlu mendapatkan kebenaran daripada pihak JIM terlebih dahulu sebelum pekerja asing tersebut memulakan kerja pemasangan di tapak binaan.

32. Selain itu, pekerja asing dibenarkan untuk memohon pertukaran antara sektor pembuatan dan pembinaan selagi digaji oleh majikan yang sama di kedua-dua sektor tersebut, seperti yang ditunjukkan oleh Senario 1. Banyak majikan di Malaysia menjalani lebih daripada satu jenis perniagaan sebagai strategi diversifikasi.

33. Walau bagaimanapun, dasar dan peraturan imigresen sedia ada tidak membenarkan pekerja asing di tapak binaan untuk bekerja di kilang sekiranya mereka digaji oleh dua majikan yang berbeza, seperti yang ditunjukkan oleh Senario 2.

34. Pekerja asing tersebut mestilah bekerja di lokasi seperti alamat yang tertera di PLKS seperti yang diperuntukkan di bawah perundangan imigresen. Pekerja asing yang bekerja di lokasi selain daripada alamat yang tertera di PLKS dan tidak mendapat kebenaran daripada pihak JIM terlebih dahulu didapati telah melanggar perundangan imigresen dan melakukan suatu kesalahan.

35. Kini, model perniagaan yang sedang berkembang di sektor pembuatan dan sektor pembinaan di Malaysia adalah sama dengan model perniagaan yang ditunjukkan oleh Senario 2. Hal ini menyebabkan banyak majikan dan pekerja asing didapati melanggar peraturan imigresen dan dikenakan penalti setelah penguatkuasaan dijalankan. Hal ini turut menyebabkan operasi pembuatan dan pembinaan terganggu serta mengalami kelewatan dalam menyempurnakan garis masa sesuatu tempahan atau projek pembinaan ekoran daripada penahanan pekerja asing.

(f) Cadangan penambahbaikan

36. Bagi memastikan sektor pembuatan dan pembinaan terus berdaya saing dan menyumbang secara signifikan kepada ekonomi negara, Kerajaan sewajarnya mempertimbangkan untuk menyemak semula dasar dan peraturan sedia ada bagi menyokong transformasi kedua-dua sektor tersebut. Oleh itu, suatu cadangan projek rintis telah dikemukakan dengan memfokuskan mobiliti pekerja asing sedia ada yang memegang PLKS secara sah di kedua-dua sektor ini. Projek rintis ini merangkumi hal berkaitan mobiliti pekerja asing antara sektor pembuatan dan pembinaan sahaja meliputi dasar, punca kuasa dan proses sedia ada.

37. Antara elemen dan mekanisme kawal selia yang dikenal pasti bagi memudahcara mobiliti pekerja asing rentas sektor pembuatan dan pembinaan termasuklah;

- a. tanggungjawab majikan ke atas kebajikan pekerja asing masing-masing (seperti bayaran gaji, kediaman pekerja, caruman pekerja asing dll.),
- b. penggunaan kod bar/digital bagi menjejak pekerja asing yang dibenarkan untuk bekerja rentas sektor,
- c. kadar caj atau levi di kedua-dua sektor,
- d. permohonan mobiliti rentas sektor secara digital melalui sistem MyImmms,
- e. had kuota pekerja asing sedia ada yang dibenarkan untuk bekerja rentas sektor,
- f. pekerja asing sektor pembinaan hanya bekerja di kilang yang membekalkan produk bahan binaan bagi tujuan projek pembinaan yang sama - kontrak,
- g. penetapan jenis kemahiran tertentu berkaitan pembinaan untuk bekerja di kilang – agensi kawal selia seperti CIDB, dan
- h. pekerja asing sedia ada memegang PLKS sekurang-kurangnya satu tahun.

38. Dengan kerangka peraturan yang jelas, telus dan berkesan, pelaksanaan mobiliti pekerja asing boleh dioptimumkan, memastikan agihan tenaga buruh yang lebih responsif terhadap keperluan sebenar industri. Hal ini akan mengurangkan pembaziran sumber manusia, meminimumkan tempoh kekosongan tenaga kerja mahir, serta memudahkan pelaksanaan projek-projek strategik yang memerlukan kemahiran khusus rentas sektor secara fleksibel.

39. Selain itu, pengawalseliaan yang rapi melalui pendaftaran digital, kawal selia kemahiran spesifik, dan perlindungan kebajikan pekerja asing yang teguh akan meningkatkan keyakinan pelabur serta meningkatkan standard operasi industri berdasarkan amalan terbaik di peringkat antarabangsa.

40. Akhirnya, gabungan tenaga kerja yang lebih cekap, pematuhan, dan mobiliti yang dimudahcara akan meningkatkan produktiviti kedua-dua sektor utama ini, sekali gus menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang lebih berdaya saing, inovatif dan mampan di peringkat dunia.

41. Para peserta turut mencadangkan agar MITI sebagai *lead agency* bagi merealisasikan cadangan rintis ini. MITI turut dibantu oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), JIM, MIDA, Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM), PERKESO, dan CIDB.

Rumusan & Langkah Seterusnya

42. Secara ringkasnya, bengkel ini telah membuka ruang perbincangan yang konstruktif dalam mempertingkat dan memantapkan dasar penggajian pekerja asing, terutamanya di sektor pembinaan dan pembuatan. Kerjasama erat antara agensi seperti CIDB, MITI, MIDA, JTKSM dan JIM sangat penting untuk memastikan pembangunan dan kelestarian industri pembinaan dan pembuatan berlandaskan pematuhan undang-undang, keselamatan dan kebajikan pekerja asing serta keberkesanan mobiliti tenaga buruh rentas sektor.

43. Seiring dengan hasrat Kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing, majikan di sektor pembuatan dan pembinaan mengesyorkan agar Kerajaan menawarkan fleksibiliti dengan memperkenalkan *cross permit* untuk pekerja asing sektor pembinaan bekerja di sektor pembuatan tanpa sebarang halangan. Permit tersebut membolehkan para majikan memanfaatkan kemahiran spesifik yang boleh diguna pakai di kedua-dua sektor tersebut tanpa perlu memohon kuota pekerja asing baharu.

44. Cadangan memperkenalkan mekanisme kawal selia khusus untuk menyokong mobiliti pekerja asing yang bersedia bekerja di kedua-dua sektor pembuatan dan pembinaan mempunyai potensi besar untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing Malaysia di peringkat global.

45. Namun, pihak Kerajaan sewajarnya memperhalusi risiko dan kekhuatiran, seperti keselamatan negara, ketenteraman awam, tanggungjawab majikan terhadap pekerja asing, cabaran pematuhan dan penguatkuasaan, yang perlu diambil kira dan diatasi sekiranya fleksibiliti tersebut ditawarkan kepada majikan dan pekerja asing di kedua-dua sektor tersebut.

46. Walaupun model perniagaan *hybrid* di Malaysia berpotensi untuk meningkatkan mobiliti pekerja asing dan kecekapan kedua-dua sektor tersebut, negara-negara maju telah menerapkan sistem yang lebih berkesan dan teratur yang membolehkan mereka menikmati manfaat yang lebih besar dari segi pertumbuhan produktiviti dan daya saing di peringkat global.

47. Oleh itu, Malaysia perlu bersedia untuk belajar dan mengadaptasi amalan terbaik di negara-negara maju dalam usaha meningkatkan keberkesanan model *hybrid* agar dapat bersaing pada tahap yang lebih tinggi.

48. Seterusnya, MPC mencadangkan agar sesi libat urus diadakan bersama KDN, KESUMA, KKR dan CIDB untuk memahami lebih lanjut tentang potensi dan kebolehlaksanaan cadangan rintis mobiliti pekerja asing sedia ada merentasi kedua-dua sektor tersebut.

49. Selain itu, sesi libat urus bersama PEMUDAH juga dicadangkan untuk mengukuhkan pelaksanaan cadangan rintis dengan mengambil kira pandangan dan ulasan yang dikemukakan oleh majikan di kedua-dua sektor tersebut.

TAMAT

Senarai Kehadiran

1. Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI)

- a. Encik Cheah Poh Fook
- b. Puan S. Nadjua El-ellya Sheikh Hylmye

2. Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)

- a. Puan Afidah Mastor
- b. Encik Muhammad Asrar Shaharom

3. Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

- a. YBrs. Dr. Suriati Zainal Abidin
- b. YBrs. Dr. Hafizah Sith
- c. Puan Adlina Snawi
- d. Puan Nurfayunie Pakhrururzi
- e. Encik Muhammad Zain Nuruddin Hazman
- f. Puan Hartini Othman (MPC Associate)
- g. YM Che Ku Amir Rizal Che Ku Mohd (MPC Associate)

4. Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)

- a. Puan Yusliza Jusoh
- b. Encik Noorizmer Ishak

5. Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)

- a. Encik Mohd Wazid Zaidon
- b. Encik Mohd Shopian Harun